

Kem Kepimpinan Karisma bentuk jati diri

UB 18.12.2013 B4

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
utusanborneokk@gmail.com

Melahirkan pemimpin yang memiliki daya saing tinggi serta mampu menghadapi cabaran menjadi matlamat utama penganjuran Kem Kepimpinan Karisma anjuran Kolej Kediaman Anugerah Bestari (AB), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Komandan Kem yang juga Pensyarah Hubungan Industri UMS, Fauzie Sorjono berkata, semangat serta ilmu kepimpinan yang diterapkan menerusi kem berkenaan dapat dijadikan panduan kepada peserta yang terlibat.

Menurutnya, ilmu yang diperolehi itu akan membantu mereka dalam menerajui kepimpinan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej AB, UMS.

“Pemimpin mahasiswa era globalisasi ini mesti bijak dan berintelektual tinggi bagi menggalas tugas dan tanggungjawab di medan gedung ilmu.

“Ini kerana, kepimpinan mahasiswa adalah tonggak kepada kejayaan sesebuah negara.

“Mahasiswa juga dianggap sebagai pelapis yang akan menggantikan tonggak kepimpinan negara kelak,” katanya.

Jelasnya, berdasarkan

pelbagai model kem yang dilaksanakan, ia sedikit sebanyak menyuntik semangat para Jakmas baharu khususnya bagi sesi 2013/2014.

Beliau berkata, kem berkenaan juga sebagai salah satu usaha dan pendedahan awal kepada mahasiswa untuk menjadi pemimpin negara yang baik pada masa hadapan.

“Melentur buluh biarlah dari rebungnya dan perumpamaan ini sangat sinonim dengan objektif utama pemilihan dan kem kepimpinan mahasiswa ini.

“Malah, berdasarkan beberapa proses yang dijalani oleh mahasiswa, penerapan falsafah ilmu dan

“Pemimpin mahasiswa era globalisasi ini mesti bijak dan berintelektual tinggi bagi menggalas tugas dan tanggungjawab di medan gedung ilmu. Ini kerana, kepimpinan mahasiswa adalah tonggak kepada kejayaan sesebuah negara.”

FAUZIE SORJONO

Komandan Kem yang juga Pensyarah Hubungan Industri UMS

elemen-elemen kepimpinan mampu mewujudkan suasana kepimpinan yang ditagih oleh mahasiswa itu sendiri.

“Perkara ini menjadi asas penting dalam medan ilmu sebelum mereka menjadi peneraju kepada kepimpinan negara,” katanya.



MAJLIS serah tugas daripada mantan Jakmas kepada Jakmas baharu.





FAUZI ketika memberi arahan tugas kepada peserta.



SESI taklimat untuk kem berkenaan.



Gambar atas
AKTIVITI
dalam slot membina
kepercayaan diri.

Gambar kiri
SETIAP
peserta perlu mematuhi arahan yang disediakan komandan kem.